

17/11/1998

Perjanjian baru bekalan air dikaji

MALAYSIA sedang mengkaji draf cadangan perjanjian baru bekalan air yang dikemukakan oleh Singapura, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, pegawai kedua-dua negara menyambung perbincangan mengenai perjanjian air secara terperinci.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong hari ini, beliau berkata Singapura kini sudah mengemukakan draf cadangan perjanjian itu dan Malaysia sedang mengkajinya.

Abdullah berkata, pegawai kedua-dua negara juga berbincang mengenai langkah mendapatkan pembiayaan dari Singapura.

Goh pula berkata: "Kita bukannya bercakap mengenai keperluan segera tetapi sesuatu yang menjangkau 2061.

"Terdapat pandangan yang bertembung," kata Goh apabila ditanya mengenai perbincangannya dengan Dr Mahathir yang berlangsung selama 45 minit.

Goh berkata pegawai kedua-dua negara akan membuat tindakan susulan dan "kita berharap ia dapat diselesaikan secara baik."

Sementara itu, Abdullah berkata, Perdana Menteri Australia, John Howard dalam pertemuan dengan Dr Mahathir turut membangkitkan isu kerjasama pertahanan lima negara (FPDA).

Menurutnya, Perdana Menteri menjelaskan bahawa Malaysia tidak mengambil bahagian dalam salah satu kerjasama latihan pertahanan yang diadakan baru-baru ini kerana menghadapi masalah ekonomi.

Bagaimanapun, Malaysia menyokong FPDA yang turut dianggotai Singapura, Australia, New Zealand dan Britain.

(END)